

## PENGURUSAN JENAZAH KAUM CINA PERANAKAN KELANTAN

Teks dan foto: WeeLian

Setiap orang pasti akan merasai mati tanpa mengira bangsa dan agama. Begitu jugalah dengan kaum Cina Peranakan Kelantan. Cina Peranakan Kelantan merupakan kaum minoriti yang beragama Buddha, mengamalkan cara hidup dan budaya seperti orang Melayu dan Siam. Namun begitu, dalam pengurusan jenazah, mereka menggunakan adat kematian orang Cina dan Siam berasaskan kepercayaan yang diceritakan oleh nenek moyang mereka.

Apabila berlaku kematian, jenazah dibaringkan di atas sebidang tikar di ruang tamu dengan kakinya menghala ke luar pintu dan ditutup dengan sehelai kain. Sebilah pisau diletakkan di atas dada jenazah supaya tidak diganggu makhluk halus. Masyarakat Cina Peranakan Kelantan percaya bahawa jenazah yang dilangkahi kucing akan bangun dan berjalan di dalam rumah. Oleh sebab itu, jenazah perlu dijaga dengan baik dan semua kucing dikurung di dalam sangkar sepanjang jenazah berada di rumah.

Jenazah disimpan di rumah selama tiga hari supaya anak cucu dan kenalan dapat melawat untuk memberikan penghormatan terakhir. Berita kematian segera diberitahu kepada ahli keluarga, waris dan sahabat handai melalui telefon atau secara lisan. Ahli keluarga dan jiran-jiran terdekat berbincang tentang hal pengurusan jenazah yang akan dilaksanakan. Seorang ahli keluarga ditugaskan untuk mendapatkan sijil pengesahan kematian daripada pihak hospital, mendapatkan sijil kebenaran

pengebumian di balai polis berdekatan dan menghubungi pihak konsultan. Dalam hal ini, pihak konsultan merupakan orang yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pengebumian jenazah.

Ahli keluarga yang lain diarahkan menemani jenazah dan membuat persiapan awal. Sebuah besen aluminium yang sederhana besar diisi dengan sedikit pasir dan berlapikkan empat biji batu jongkong diletakkan di hujung kaki jenazah untuk membakar kertas perak semasa jenazah berada di rumah. Kertas perak digunakan untuk upacara sembahyang bagi orang yang telah meninggal dunia. Kertas ini digulung dan dibakar secara bersambung tanpa henti bagi menggantikan wang untuk kegunaan roh si mati.

Sementara menunggu pihak konsultan datang, ahli keluarga meletakkan semangkuk nasi bersama sebiji telur ayam rebus, sepasang penyepit makanan dan segelas air di hujung kaki jenazah. Kemudian, dengan menggunakan dua batang colok hijau, mereka menjemput roh si mati untuk datang makan nasi dan minum air.

Ketika berlaku kematian, masyarakat Cina Peranakan Kelantan perlu mematuhi beberapa pantang larang. Antaranya termasuklah mereka tidak boleh melawat orang mati jika kurang sihat agar tidak menjadi lebih mudarat. Selain itu, bagi orang yang akan berkahwin dalam masa terdekat, mereka tidak boleh melawat orang mati dalam masa sebulan sebelum hari




Makanan untuk sembahyang jenazah.

perkahwinan supaya tidak ditimpa bencana. Pengantin lelaki dikehendaki bertolak awal ke rumah pengantin perempuan pada hari perkahwinan supaya tidak berselisih dengan kereta yang membawa jenazah di pertengahan jalan agar majlis perkahwinan berjalan lancar. Selain itu, jenazah perlu dibawa keluar sebelum pukul 12 tengah hari untuk mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Waris bagi si mati, sama ada lelaki ataupun perempuan, dikehendaki berkabung, iaitu memakai pakaian berwarna putih, hitam, biru ataupun hijau. Tempoh berkabung adalah selama seratus hari, satu tahun atau tiga tahun. Sepanjang tempoh seratus hari, mereka tidak boleh memotong rambut dan kuku. Dalam masa tiga tahun berkabung, mereka tidak boleh berkahwin. Walau bagaimanapun tiada paksaan dalam hal ini kerana bergantung kepada kesesuaian dan keinginan seseorang. Pada zaman moden ini, tempoh berkabung hanyalah selama tiga hari atau tujuh hari sahaja kerana bagi sesetengah orang, berkabung akan menyukarkan kegiatan harian mereka.

Masyarakat Cina Peranakan Kelantan juga percaya bahawa orang mati akan dibangkitkan semula pada hari kiamat. Pada ketika itu, setiap orang akan dinilai kebaikan dan kejahatan yang mereka lakukan di dunia. Sekiranya banyak kebaikan, mereka akan ditempatkan di syurga. Jika banyak kejahatan, mereka akan dimasukkan ke dalam neraka. Peralatan yang diperlukan untuk



Upacara sembahyang jenazah orang Cina.

menguruskan pengebumian jenazah, seperti keranda, sapu tangan, cokelat, benang merah, kertas perak, kapas, buah-buahan, air mineral, dan kacang tanah, akan disediakan oleh pihak konsultan.

Sebelum pengembumian, anak dan cucu si mati akan menyembah Dewa Air dengan menggunakan tiga batang colok untuk memohon air bagi membersihkan badan jenazah. Apabila sudah bersih, jenazah dilap dengan kain tuala. Pakaian baharu atau pakaian kesukaan si mati dipakaikan ke tubuh jenazah dan direnjiskan air wangi. Pada zaman dahulu, si mati



Kubur bagi orang Cina.

akan dipakaikan baju pengantin yang dipakai semasa kahwin dan ada juga yang dipakaikan lapan lapis baju, tetapi sekarang tradisi ini sudah tidak diamalkan lagi.

Sekiranya si mati merupakan perempuan, mukanya dihias cantik dengan solekan dan dipakaikan barang-barang kemas yang asli. Jikalau dahulu, jenazah ditanam bersama-sama sejumlah wang dan barang-barang kemas yang digemarinya. Walau bagaimanapun, kini amalan ini sudah tidak dipraktikkan lagi.

Seterusnya, gulungan kecil kapas dimasukkan ke dalam rongga hidung dan telinga bagi mengelakkan cecair badan keluar daripada badan jenazah. Pada zaman dahulu, jenazah disuntik ubat pengawet supaya dapat disimpan lama, tetapi sekarang sudah tidak disuntik lagi kerana kesukaran mendapatkan bekalan ubat pengawet. Setelah selesai dipakaikan dengan pakaian, jenazah diletakkan ke dalam keranda. Harga keranda bergantung kepada jenis kayu dan ukirannya, sehingga mencecah ribuan ringgit.

Pada sebelah petang hari kematian, upacara sembahyang jenazah diadakan mengikut adat kematian orang Cina dengan menggunakan tiga batang colok. Pelbagai makanan dihidangkan, seperti nasi, lauk pauk, kuih muih, buah-buahan dan minuman disediakan, untuk roh si mati. Pada sebelah malam hari pertama dan kedua kematian, beberapa orang sami Buddha diundang datang ke rumah untuk membaca mentera mengikut adat kematian orang Siam pula.




Kertas perak digulungkan dan dibakar secara bersambung di dalam besen.

Sanak saudara yang rapat akan tidur di tepi keranda. Mereka bergilir-gilir menjaga keranda dan membakar kertas perak hingga menjelang hari ketiga.

Secara lazimnya, saudara mara dan sahabat handai datang melawat untuk memberi penghormatan terakhir kepada si mati dan menyalurkan sumbangan. Sebuah tong disediakan untuk pengunjung menyumbangkan wang dan sebuah buku disediakan untuk mereka menulis nama dan nilai sumbangan. Mereka diberikan sebiji coklat yang diikat benang merah dan sebotol kecil air mineral.

Hari ketiga kematian merupakan hari kemuncak kerana pada hari ini jenazah akan disemadikan. Tetamu yang hadir pada hari ini akan diberikan sehelai sapu tangan yang dikepit secebis kain hitam dan benang merah dengan pin baju. Pada sebelah pagi, diadakan upacara takbat, iaitu para hadirin dikehendaki memasukkan nasi ke dalam besen untuk memberikan pahala kepada si mati mengikut adat kematian orang Siam. Nasi ini kemudiannya dihidangkan kepada sami Buddha bersama-sama lauk-pauk dan makanan lain.

Apabila sami selesai makan, keranda diusung keluar dan diletakkan di halaman rumah untuk upacara penghormatan terakhir kepada jenazah. Ahli keluarga dan saudara terdekat memberikan penghormatan kepada jenazah dengan menggunakan tiga batang colok, buah-buahan, kuih muih, bunga-bunga dan minuman. Jika zaman dahulu, semasa upacara ini diadakan, semua waris dan kenalan si mati dikehendaki menangis dengan kuat untuk menunjukkan kesedihan



Sehelai kertas perak.




Keranda orang Cina.

atas kematian itu. Sekiranya tidak mempunyai waris yang ramai, mereka akan mengupah orang luar untuk menangis. Walau bagaimanapun, mengikut peredaran masa, perkara ini sudah tidak dipraktikkan lagi sekarang. Selepas selesai upacara penghormatan, keranda diusung ke atas van untuk ke tempat persemadian. Di sepanjang perjalanan, waris si mati akan menabur kertas perak supaya roh si mati dapat pulang semula ke rumahnya.

Terdapat dua cara persemadian jenazah, iaitu ditanam atau dibakar, mengikut kesesuaian dan persetujuan keluarga si mati. Sekiranya mereka memilih untuk menanam jenazah, tanah rezab kubur hendaklah dikenalpasti lebih dahulu. Kemudiannya, kubur digali mengikut ukuran tujuh kaki panjang, tiga kaki lebar dan empat kaki setengah dalam. Walau bagaimanapun, pengendalian secara pengebumian kurang digemari umum kerana memerlukan penjagaan yang lebih rapi. Sebagai contohnya, apabila tiba perayaan kubur, atau Festival Cheng Meng, yang jatuh pada lima hari bulan April setiap tahun, mereka perlu menebas semak samun dan mencuci kubur lebih dahulu sebelum upacara sembahyang dilakukan. Hal ini membazirkan masa, tenaga dan wang ringgit.


Sekiranya mereka memilih secara dibakar, tempat pembakaran perlu dikenalpasti dengan lebih awal. Kebiasaannya



Tempat pembakaran jenazah.

pembakaran jenazah dilakukan di kuil. Setibanya di kuil, keranda disambut oleh beberapa orang yang ditugaskan untuk menguruskan pembakaran jenazah. Beberapa orang sami Buddha membaca mentera supaya Buddha datang menjemput roh si mati ke syurga. Keranda disorong ke dalam terowong tempat pembakaran mayat. Pembakaran dilakukan dengan menggunakan arang dan minyak tanah.

Selepas itu, tulang-tulang dikutip, dicuci dan dimasukkan ke dalam bekas yang berbentuk bulat kecil sebesar gelas. Bekas ini akan disimpan di tempat khas yang disediakan di kuil. Hal ini tidak memerlukan kos yang mahal untuk menyewa ruangan tersebut. Ruangan seluas satu kaki panjang dan satu kaki lebar ini ditutup dengan cermin yang boleh dibuka dan ditutup. Harga ruangan ini sekitar RM200 hingga RM300 sahaja untuk disimpan selama-lamanya. Walau bagaimanapun, terdapat juga waris si mati yang menderma hingga RM1000, bergantung kepada keikhlasan dan kemampuan mereka.

Setelah selesai persemadian, kertas perak dibakar bersama barang-barang kegunaan si mati. Pelbagai barangan keperluan dihadiahkan kepada sami untuk digunakan oleh sami, seperti payung, selipar dan lain-lain, supaya si mati mendapat pahala dan ditempatkan di syurga. Upacara sembahyang untuk roh si mati akan diadakan pada hari ketujuh, hari ke seratus, setahun dan tiga tahun. Selepas itu, ulang tahun hari kematian akan diadakan setiap tahun. Semasa upacara ini diadakan, ahli keluarga akan menggunakan adat kematian orang Cina dan Siam seperti semasa hari kematian. Upacara ini tidak lapuk ditelan zaman, malah terus kekal diamalkan oleh masyarakat Cina Peranakan Kelantan daripada satu generasi ke generasi yang seterusnya. 



Kedudukan tulang selepas jenazah selesai dibakar.